

13 MAY 1999

Misi-Azhar

MISI BAWA TIANG LAYAR BARU UNTUK JALUR GEMILANG TIBA DI FALKLAND

Oleh: Noor Hammad Wariman

FALKLANDS, 13 Mei (Bernama) -- Tiang layar baru berharga RM150,000 untuk Jalur Gemilang, bagi menggantikan yang patah dua dihempap gelombang semasa dalam pelayaran mengelilingi dunia, tiba hari ini di Falklands di mana juragannya Azhar Mansor sedang "berlindung".

Tiang layar itu, yang dibuat oleh Allyacht Spars di Brisbane, Australia, di bawa ke pulau in oleh pesawat Hercules Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan dipandu oleh Lt-Kol Fadhil Sheikh Ahmad.

Pesawat itu mendarat di pangakalan Tentera Udara Diraja British di Mount Pleasant di sini pada kira-kira pukul 3.45 petang waktu tempatan (4 pagi waktu Malaysia) selepas membuat penerbangan selama 44 jam.

Ia membuat persinggahan di Darwin dan Brisbane di Australia, Fiji, Tahiti, Pulau Easter dan Santiago, mencatatkan penerbangan sejauh kira-kira 13,200 batu nautika.

Seramai 17 anggota TUDM, Azmi Mansor, koordinator projek Cabaran Jalur Gemilang '99, yang juga adik Azhar, 10 anggota media Malaysia dan rigger Allyacht Spars, Joel Berg disambut oleh Azhar dan penasihat teknikal projek itu Noel Belman.

Azhar memberitahu anggota-anggota media Malaysia itu bahawa beliau terhutang budi dengan penglibatan TUDM kerana ia menolong mengurangkan masa selama dua minggu yang diperlukan untuk mengangkut tiang layar itu.

"Diharapkan dalam masa satu setengah minggu saya akan dapat memasang tiang layar sebelum menyambung pelayaran sejauh kira-kira 11,000 batu nautika lagi," katanya.

Azhar berkata dalam tempoh itu, beliau akan dapat menetapkan tarikh yang tepat untuk memulakan sambungan pelayarannya itu.

"Saya akan ikut laluan biasa dengan belayar sepanjang pulau Fernando de Noronha di Lautan Atlantik, Tanjung Harapan dan kembali ke Langkawi," tambahnya.

Azhar juga melahirkan penghargaannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim yang telah mengirim surat memberi semangat kepadanya kerana ia telah meningkatkan lagi keazamannya untuk meneruskan pelayarannya.

Pelayar kelahiran Kangar itu berkata beliau akan mula memasang tiang layar baru itu esok. Berg, yang menyertai misi itu dari Brisbane, berkata kerja-kerja pembaikan untuk memasang tiang layar itu akan mengambil masa tiga hari untuk siap.

"Saya perlukan masa untuk menyesuaikan tiang dan layar besar Jalur Gemilang yang berharga RM2 juta itu supaya ia dapat berfungsi," kata Berg.

Bagaimanapun, Azhar dijangka menyambung pelayarannya pada 15 Mei disebabkan tarikh itu penting kerana sekiranya beliau lewat bertolak, beliau akan berhadapan dengan cuaca ganas di Tanjung Harapan di Afrika Selatan dan Teluk benggali di India.

Percubaan Azhar untuk mencatat rekod dunia sebagai orang yang pertama belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo di laluan barat-timur yang baru, tergendala selepas tiang layar utama Jalur Gemilang patah dua di dalam satu kejadian ribut pada lokasi kira-kira 600 batu nautika daripada Tanjung Tanduk dan 900 batu dari Pulau Falklands pada 11 April.

Sejak itu percubaannya itu diklasifikasikan semula oleh Majlis Rekod Kelajuan Belayar Dunia sebagai "pelayaran solo dengan berhenti, mengikut laluan timur".

Kejadian itu berlaku pada hari ke-69 Azhar berada dilaut. Ketika itu,

beliau, yang tidak mendapat cedera serius, sudahpun belayar hampir setengah daripada perjalanannya itu.

Operasi untuk menerbangkan tiang layar itu dengan pesawat Hercules C-130 TUDM juga dianggap sebagai satu rekod kebangsaan kerana inilah kali pertama pesawat tentera udara Malaysia mengelilingi dunia bagi menjalankan satu misi.

Dalam perjalanan pulanginya pesawat itu akan membuat beberapa persinggahan di Argentina, Recife di Brazil, Accra di Ghana, Mombassa di Kenya dan Male, sebelum dijadualkan tiba di Kuala Lumpur pada 21 Mei.

-- BERNAMA

NH AHH WAT